

24 MAR 2001

Mahathir-Projek

PROJEK UNTUK KESELESAAN RAKYAT BUKAN SATU PEMBAZIRAN

TENOM, 24 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata projek-projek besar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan keselesaan hidup rakyat bukan satu pembaziran.

Oleh kerana itu sebarang projek yang akan membawa manfaat kepada rakyat akan diteruskan walaupun tohmahan dilemparkan oleh pihak yang tidak setuju dengan projek berkenaan, kata beliau.

Dengan memberi contoh projek hidroelektrik Bakun di Sarawak yang akan memberi faedah bukan sahaja kepada rakyat di negeri jiran itu tetapi juga kepada rakyat Sabah, Perdana Menteri berkata kerajaan rela membelanjakan wang yang banyak untuk menyediakan keselesaan kepada rakyat.

"Kita rela belanja wang yang banyak untuk kesejahteraan rakyat Malaysia terutama daripada kalangan miskin yang perlu diberi kemudahan sama seperti mereka yang mempunyai pendapatan yang lebih baik," kata Perdana Menteri pada majlis bersama rakyat di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata: "Projek ini (Bakun) akan diteruskan walaupun fitnah yang dilemparkan terhadap kerajaan".

Perdana Menteri yang dalam rangka lawatan dua hari ke Sabah tiba di sini dengan helikopter pada lebih kurang pukul 1 petang selepas sejam penerbangan dari ibu negeri.

Lawatan pertama beliau ke sini disambut meriah dengan 20,000 penduduk tempatan dari daerah sekitar hadir pada majlis itu.

Kenderaan awam terpaksa dihalang daripada memasuki kawasan pekan seawal pukul 10 pagi kerana ketika itu pekan telah penuh sesak dengan rakyat pelbagai kaum yang menanti kedatangan Perdana Menteri.

Menurut Dr Mahathir, melalui projek Bakun satu keperluan bagi negeri Sabah iaitu bekalan elektrik yang cukup dan murah akan dipenuhi.

"Di Sabah kos elektrik adalah tinggi kerana stesen janakuasa adalah kecil dan tidak ekonomik dan dengan adanya projek Bakun yang membabitkan perbelanjaan yang tinggi, kos bekalan elektrik akan dapat diturunkan berbanding jika bekalan itu dijana daripada sumber bahan api," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan luar bandar dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dalam usaha mewujudkan pembangunan seimbang antara bandar dan luar bandar.

"Kita nak adakan pelbagai projek pembangunan di kawasan pedalaman kerana kita telah janji akan membangunkan kawasan ini dan juga kerana kita tahu kawasan ini ramai rakyat yang setia kepada negara dan kerajaan," katanya.

Beliau turut berterima kasih kepada rakyat Tenom yang memberi kemenangan kepada Barisan Nasional (BN) di kawasan itu pada pilihan raya negeri dan Parlimen yang lepas.

Dalam ucapan kira-kira 40 minit itu, Dr Mahathir menekankan pentingnya menjaga keamanan bagi memastikan segala rancangan pembangunan dapat dilaksanakan.

Menurut beliau rakyat dan kerajaan perlu berganding bahu dan berjalan seiring menuju matlamat untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Beliau berkata rakyat juga dapat membantu kerajaan untuk merealisasikan hasrat itu dengan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu.

Ilmu pengetahuan dan kemahiran menjadi lebih penting lagi untuk dimiliki oleh masyarakat luar bandar yang sentiasa menyaksikan penduduknya berhijrah ke kawasan bandar.

"Sebelum berhijrah kita perlu tentukan kita mempunyai kemahiran dan kecekapan supaya kita dapat berkerja dan memperolehi pendapatan yang cukup untuk hidup selesa di bandar.

"Kita tak nak mereka berhijrah tetapi kemudian tinggal di rumah setingan kerana mereka tidak mempunyai kemahiran untuk membolehkan mereka hidup selesa di kawasan bandar," kata Perdana Menteri.

Dalam hubungan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan berhasrat menyediakan pusat latihan di seluruh negara untuk meningkatkan tahap kemahiran khusus di kalangan penduduk luar bandar.

Selepas acara petang ini, Perdana Menteri melakukan pecah tanah jalan raya Tenom-Beaufort sejauh 55 kilometer yang menjadikan Tenom lebih mudah dihubungi dengan Kota Kinabalu melalui Beaufort.

Ketika ini, Tenom boleh dihubungi melalui Jalan Tambunan-Keningau serta perkhidmatan keretapi negeri Sabah tetapi kedua-dua laluan ini mungkin tidak dapat digunakan semasa musim hujan kerana kejadian tanah runtuh.

-- BERNAMA

JS PR